JUZU' KE-30

SURAH AL-BALAD

SURAH KE

90

سُورَةُ البَلَدِ

SURAH AL-BALAD

Surah Negeri Makkah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

20

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

لَآ أُقۡسِمُ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ﴿١﴾

وَأَنتَ حِلُّۢ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ﴿٢﴾ وَوَالِدٖ وَمَا وَلَدَ ﴿٣﴾

لَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ فِي كَبَدٍ ﴿٤﴾

أَيَحۡسَبُ أَن لَّن يَقۡدِرَ عَلَيۡهِ أَحَدٞ ﴿٥﴾

يَقُولُ أَهۡلَكۡتُ مَالٗا لُّبَدًا ﴿٦﴾

أَيَحۡسَبُ أَن لَّمۡ يَرَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٧﴾

أَلَمۡ نَجۡعَل لَّهُۥ عَيۡنَيۡنِ ﴿٨﴾ وَلِسَانٗا وَشَفَتَيۡنِ ﴿٩﴾

وَهَدَيۡنَٰهُ ٱلنَّجۡدَيۡنِ ﴿١٠﴾ فَلَا ٱقۡتَحَمَ ٱلۡعَقَبَةَ ﴿١١﴾

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُّ رَقَبَةٍ ﴿١٣﴾

أَوۡ إِطۡعَٰمٞ فِي يَوۡمٖ ذِي مَسۡغَبَةٖ ﴿١٤﴾

يَتِيمٗا ذَا مَقۡرَبَةٍ ﴿١٥﴾ أَوۡ مِسۡكِينٗا ذَا مَتۡرَبَةٖ ﴿١٦﴾

ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡمَرۡحَمَةِ ﴿١٧﴾

أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ ﴿١٨﴾

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِنَا هُمۡ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَشۡـَٔمَةِ ﴿١٩﴾

عَلَيۡهِمۡ نَارٞ مُّؤۡصَدَةُۢ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan negeri ini (Makkah)(1). Sedangkan engkau pula tinggal di negeri ini(2). Dan demi bapa dan anak-anaknya(3). Sesungguhnya Kami jadikan manusia sentiasa dalam perjuangan yang sukar dan penat(4). Adakah dia (manusia) menyangka tiada seorang pun akan dapat menguasainya?(5).Dia berkata (ria'): Aku telah menghabiskan harta yang banyak(6). Adakah dia menyangka tiada seorang pun yang melihatnya?(7). Bukankah Kami telah jadikan untuknya dua biji mata?(8). Sekeping lidah dan dua ulas bibir?(9). Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepada-nya jalan kebaikan dan jalan kejahatan(10).Oleh itu, mengapakah dia tidak tempuhkan jalan yang sukar?(11). Tahukah engkau, apakah jalan yang sukar itu?(12). Iaitu membebaskan hamba(13). Atau memberi makanan pada hari berlaku kebuluran(14). Kepada anak yatim yang mempunyai hubungan keluarga(15).Atau kepada orang miskin yang berselekeh dengan tanah(16). Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan(17). Merekalah golongan kanan(18). Dan orang-orang yang mengkufuri ayat-ayat Kami merekalah golongan kiri(19). Pintu Neraka itu ditutupkan ke atas mereka."(20).

Surah yang pendek ini mengandungi berbagai-bagai hakikat pokok dalam kehidupan manusia yang memberi saranan-saranan yang memberi dorongan dan sentuhan-sentuhan yang memberi ilham. Pengumpulan hakikat-hakikat yang sebanyak ini adalah sukar untuk diisikan dalam ruangan yang sekecil ini di dalam buku yang lain dari Al-Qur'anul-Karim. Hakikat-hakikat ini disampaikan secara sentuhan-sentuhan sekilas dan mendalam dengan gaya penyampaian yang unik yang memukul tali hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Surah ini dimulakan dengan sumpah untuk menerangkan satu hakikat yang kukuh dalam kehidupan manusia.

لَآ أُقۡسِمُ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ﴿١﴾

وَأَنتَ حِلُّۢ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ﴿٢﴾ وَوَالِدٖ وَمَا وَلَدَ ﴿٣﴾

لَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ فِي كَبَدٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan negeri ini (Makkah)(1). sedangkan engkau pula tinggal di negeri ini(2). Dan demi bapa dan anak-anaknya(3). Sesungguhnya Kami jadikan manusia sentiasa dalam perjuangan yang sukar dan penat."(4)

Keistimewaan Negeri Makkah

Negeri yang dimaksudkan di sini ialah negeri Makkah Baitullahil-Haram, iaitu rumah ibadat yang pertama yang ditetapkan Allah kepada manusia untuk menjadi pusat perhimpunan ibadat mereka yang aman damai. Di sinilah mereka harus meletakkan senjata, pergaduhan dan perseteruan mereka dan berkumpul dengan aman damai, dan mereka diharamkan menceroboh satu sama lain. Begitu juga diharamkan segala pokok kayu, burung-burung dan hidup-hidupannya yang terdapat dalam kawasannya. Baitullah itu juga merupakan rumah yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. bapa kepada Nabi Ismail a.s. yang menjadi moyang umat Arab dan umat Muslimin seluruhnya.

Allah menghormati Nabi-Nya Muhammad s.a.w., lalu ia menyebutkannya dan menyebut sejarah ia mendiami di negeri itu. Ini merupakan satu peristiwa yang menambahkan lagi kehormatan, kemuliaan dan keagungan negeri Makkah. Dan ini merupakan satu isyarat yang membawa makna yang mendalam di tempat ini, kerana kaum Musyrikin mencabulkan kesucian Baitullah, mengganggu Nabi dan orang-orang Islam yang tinggal di sana. Baitullah itu adalah sebuah rumah yang mulia, dan kemuliaannya bertambah besar lagi apabila Rasulullah s.a.w. sendiri tinggal di sana. Dan apabila Allah bersumpah dengan negeri Makkah dan dengan Nabi yang tinggal di situ, bererti Ia telah menambahkan kemuliaan dan keagungannya. Dan dengan itu pendirian kaum Musyrikin, yang mendakwa diri mereka sebagai penjaga rumah Allah dan sebagai anak cucu Ismail yang berpegang dengan agama Ibrahim itu, kelihatan begitu jelik dan buruk dari segala segi.

Siapakah Yang Dimaksudkan Dengan Bapa Dan Anak-anak?

Pengertian ini mungkin dapat dijadikan alasan untuk mengatakan bahawa ayat:

"Dan demi bapa dan anak-anaknya"(3)

adalah isyarat khusus kepada Nabi Ibrahim atau Nabi Ismail a.s., dengan erti Allah bersumpah dengan negeri Makkah dan dengan Rasulullah yang tinggal di dalamnya dan dengan pengasas pertama negeri itu dan anak cucunya. Walau bagaimanapun, pentafsiran ini tidak pula menolak bahawa yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah pengertiannya yang bebas iaitu pengertian bapa dan anak secara umum. Dan ini merupakan isyarat kepada asal mula, kejadian manusia sebagai pendahuluan untuk membicarakan tentang hakikat insan yang menjadi bahan ulasan pokok surah ini.

Pendapat As-Syeikh Muhammad 'Abduh

Dalam hubungan ini al-Ustaz al-Imam as-Syeikh Muhammad 'Abduh dalam tafsirnya "Juzu' 'Amma" telah mengemukakan satu pandangan yang baik yang sesuai dengan semangat tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini. Di sini kami petikkan sebahagian darinya. Ujar beliau Rahimahullah:

"Kemudian Allah bersumpah dengan bapa dan anak untuk menarik perhatian kita kepada betapa pentingnya peringkat beranak pinak ini kepada kewujudan manusia. Ia menarik perhatian kita kepada hikmat-hikmatnya yang mendalam kepada penciptaan Allah yang rapi. Seterusnya ia menarik perhatian kita kepada kesukaran-kesukaran yang dialami oleh ibu bapa dan anak-anak dalam usaha-usaha memula dan menyempurnakan asuhan dan didikan supaya anak-anak itu subur dan berkembang hingga sampai ke tahap kesuburan yang ditentukan Allah kepadanya.

"Apabila anda memikirkan tumbuh-tumbuhan bagaimana sukarnya pengalaman yang dialami oleh benihnya di peringkat-peringkat pertumbuhan. Ia terpaksa melawan kesan-kesan udara dan terpaksa berusaha menyedutkan makanannya dari unsur-unsur yang terdapat di sekelilingnya hingga ia subur menjadi sebatang pokok yang lengkap dengan ranting-ranting dan dahan-dahannya dan akhirnya menjadi pokok yang sanggup melahirkan benih-benih yang baru untuk mengulangi peranannya dan menghiaskan bumi dengan pandangan-pandangannya yang indah. Apabila anda hadirkan kejadian tumbuh-tumbuhan ini di dalam minda anda dan menoleh pula kepada kejadian yang lebih tinggi dari tumbuh-tumbuhan, iaitu kejadian binatang dan manusia, nescaya anda akan dapati bahawa persoalan bapa dan anak pada dua makhluk ini adalah lebih besar lagi, dan anda akan dapati kesulitan-kesulitan yang dihadapi makhluk-makhluk ini dalam usaha memelihara jenis masing-masing, dan mengekalkan keindahan alam dengan rupa bentuk mereka adalah lebih sukar dan besar lagi."

Hidup Manusia Dalam Gelombang Kesulitan

Allah membuat sumpahan ini untuk menerangkan satu hakikat yang tetap dalam hidup manusia iaitu:

"Sesungguhnya Kami jadikan manusia sentiasa dalam perjuangan yang sukar dan penat."(4)

Ia sentiasa menghadapi kesulitan demi kesulitan, kepenatan demi kepenatan dan perjuangan demi perjuangan sebagaimana firman-Nya dalam surah yang lain:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَـٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَـٰقِيهِ ﴿٦﴾

"Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya."

(Surah al-Insyiqaq: 6)

Kesukaran Yang Dilaui Insan Dari Alam Rahim Ke Alam Nyata

Sebaik sahaja sel pertama dari benih manusia menetap di dalam rahim, ia terus mula menghadapi perjuangan dan penat lelah untuk mendapatkan suasana-suasana yang sesuai untuk menjalani hidupnya dan mendapat makanannya dengan izin Tuhannya. Dan sel itu akan terus berkembang dalam keadaan seperti itu sehingga tiba sa'at kelahirannya ke alam dunia. Ketika itu, ia dan ibunya akan mengalami kesulitan dan kesakitan bersalin. Apabila ia hampir melihat cahaya dunia, badannya terus dihimpit, ditekan dan ditolak hingga hampir-hampir tercekik semasa dalam pelajanan keluar dari rahim ibunya.

Sejak detik pertama kelahirannya ini, ia mula menghadapi kepayahan dan kesulitan yang lebih berat iaitu kepayahan untuk memulakan proses pernafasan yang belum pernah dialaminya. Bagi kali yang pertama, bayi itu membuka mulutnya dan menggerakkan paru-parunya untuk menyedut dan menghembuskan nafas dengan teriak tangis yang membayangkan kesukaran daln kesulitan memulakan kehidupan. Kemudian sistem penghadaman makanan dan pengedaran darah memulakan kegiatannya yang luar biasa. Ia mengalami kesulitan-kesulitan membuang air sehingga ia dapat membiasakan tali perutnya melaksanakan tugas yang baru itu, dan setelah itu ia akan terus menghadapi perjuangan demi perjuangan dalam setiap langkah dan geraknya. Sesiapa yang melihat bayi ketika hendak merangkak dan berjalan, dapatlah ia fikirkan betapa banyaknya daya usaha dan kepenatan yang dicurahkannya untuk melaksanakan pergerakan yang mudah itu.

Kemudian perjuangan dan penat lelah yang baru akan timbul pula apabila giginya tumbuh, apabila ia hendak berdiri, apabila ia hendak menghayunkan langkah-langkah yang tetap, apabila ia hendak mempelajari dan memikirkan sesuatu, malah setiap percubaan yang baru itu merupakan perjuangan dan usaha yang memenatkan sama seperti percubaan-percubaannya untuk merangkak dan berjalan.

Kemudian berlakulah perbezaan cara hidup dan muncul berbagai jenis kesulitan; ada yang bekerja dengan tenaga otot-ototnya, ada yang berusaha dengan menggunakan fikirannya dan ada yang bekerja mempertaruhkan nyawanya. Ada yang berjuang hanya untuk mendapat sesuap nasi dan sehelai pakaian. Ada pula yang berjuang supaya seribu menjadi dua ribu atau puluhan ribu. Ada yang berjuang untuk merebut kuasa atau pangkat, ada yang berjuang untuk jalan Allah dan ada yang berjuang untuk mencapai kepuasan hawa nafsunya, ada yang berjuang kerana 'aqidah dan da'wah. Ada yang berjuang menuju ke Neraka dan ada yang berjuang menuju ke Syurga. Setiap orang memikul beban hidupnya dan mendaki jalan hidupnya dengan penuh penderitaan menuju kepada Allah dan akhirnya ia menemui-Nya, di sanalah kesengsaraan yang paling besar akan menimpa orang-orang yang celaka, dan di sanalah kerehatan yang paling besar akan dini'mati oleh orang-orang yang berbahagia.

Perjuangan Dan Penderitaan Itulah Sifat Kehidupan Di Dunia

Kesulitan dan kesukaran itulah sifat kehidupan di dunia. Walaupun bentuk-bentuknya dan sebab-sebabnya itu berbeza-beza, tetapi kesudahannya ialah kesulitan dan kesukaran belaka. Orang yang paling rugi ialah orang yang mengalami penderitaan perjuangan hidup di dunia, tetapi berakhir dengan kesengsaraan yang lebih dahsyat dan pahit di Akhirat, dan orang yang paling beruntung ialah orang yang berjuang dan menderita dalam perjalanan menuju Allah untuk menemui-Nya dengan kelayakan-kelayakan yang menghapuskan penderitaan hidup itu, dan berakhir di Akhirat dengan kesenangan dan kerehatan yang paling besar di bawah naungan Allah.

Walau bagaimanapun, di dunia ini sendiri manusia mendapat sebahagian ganjaran atau balasan dari berbagai-bagai usaha perjuangan dan kesulitan. Orang yang berjuang kerana satu tujuan yang besar tidak sama dengan orang yang berjuang kerana satu tujuan yang kecil, iaitu tidak sama dari segi ketenteraman hati dan kegembiraan memberi tenaga dan berkorban, kerana orang yang berjuang yang bebas dari tekanan-tekanan tanah atau berjuang untuk membebaskan diri dari tekanan-tekanan itu tidak sama dengan orang yang berjuang untuk menyelam ke dalam lumpur dan berpeluk dengan tanah seperti serangga-serangga dan ulat-ulat, orang yang mati dalam perjuangan da'wah tidak sama dengan orang yang mati dalam perjuangan nafsu, iaitu tidak sama dari segi perasaannya terhadap penderitaan dan penat lelah yang dialaminya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 7)

Tindakan Manusia Yang Lupakan Hakikat Dirinya

Selepas menerangkan hakikat hidup manusia, Allah memperkatakan pula beberapa dakwaan dan persepsi manusia yang ditunjukkan oleh tindak-tanduknya:

"Adakah dia (manusia) menyangka tiada seorang pun yang akan dapat menguasainya?(5). Dia berkata (ria') aku telah menghabiskan harta yang banyak(6). Adakah dia menyangka tiada seorang pun yang melihatnya?"(7)

Manusia yang sentiasa berjuang dan tidak terlepas dari menderita kesulitan dan kesukaran itu telah lupakan hakikat diri mereka dan terkeliru dengan ni'mat-ni'mat kekuatan, daya qudrat, kekuatan jiwa dan kesenangan hidup yang dikurniakan Allah

Penciptanya, kerana itu mereka bertindak seperti orang yang tidak mengira bahawa mereka bertanggungjawab terhadap tindakan mereka dan tidak berfikir bahawa ada yang lebih berkuasa menguasai mereka dan seterusnya menghisabkan segala tindak-tanduk mereka. Oleh sebab itu mereka bertindak kejam dan ganas, mereka merampas dan merompak, mereka mengumpul kekayaan sebanyak-banyaknya, mereka melakukan segala kejahatan dan kemungkaran tanpa takut dan bimbang kepada sesiapa. Itulah sifat manusia yang berhati tandus dari iman.

Kemudian apabila ia diseru kepada kebajikan dan pengorbanan seperti di bidang-bidang kebajikan yang disebut dalam surah ini ia akan berkata:

يَقُولُ أَهْلَكْتُ مَالًا لُّبَدًا ﴿٦﴾

"Aku telah habiskan harta yang banyak."(6)

Yakni aku telah mengeluarkan perbelanjaan sekian banyak dan cukuplah dengan pengorbanan aku yang sebanyak itu.

أَيَحْسَبُ أَن لَّمْ يَرَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٧﴾

"Adakah ia menyangka tiada seorang pun yang melihatnya?"(7)

Lupakah dia bahawa mata pengawasan Allah melihatnya, dan bahawa ilmu Allah mengetahui segala rahsia dirinya. Ya, Allah sentiasa melihat apa yang dibelanjakannya, dan mengapa ia membelanjakannya. Tetapi manusia seolah-olah lupakan hakikat ini, dan seolah-olah menyangka bahawa dirinya terlindung dari pandangan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)

Di hadapan keangkuhan yang membuat manusia merasa dirinya cukup kuat, dan di hadapan kekikiran yang membuat mereka begitu sayangkan harta dan mendakwa bahawa mereka telah pun berkorban dengan banyaknya, maka Al-Qur'an mencabar mereka dengan menyebutkan ni'mat-ni'matnya yang amat banyak pada tubuh badan mereka sendiri, pada struktur kejadiannya, pada ciri-ciri tabi'atnya dan pada kesediaan-kesediaan jiwa mereka yang semulajadi, iaitu ni'mat-ni'mat yang tidak pernah disyukuri mereka dan ditunaikan hak-haknya:

"Bukankah Kami telah jadikan untuknya dua biji mata?(8). Sekeping lidah dan dua ulas bibir?(9). Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan."(10)

Manusia merasa angkuh dengan kekuatan dirinya, sedangkan Allahlah yang mengurniakan kekuatan itu. Manusia begitu kikir dengan harta kekayaannya, sedangkan Allahlah yang memberikan kekayaan itu. Manusia menolak hidayat Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya, sedangkan Allah telah menciptakan untuknya alat-alat pancaindera yang sempurna untuk memandu mereka di alam benda ini. Allah ciptakan untuknya dua biji mata yang halus susunannya dan mempunyai daya penglihatan yang kuat. Allah bezakan manusia dari lain-lain makhluk dengan daya bertutur dan memberikannya alat bertutur yang sempurna: **"Sekeping lidah dan dua ulas bibir".** Kemudian Allah lengkapkan dalam jiwanya dengan daya-daya kefahaman untuk mengenalpastikan mana yang baik dan mana yang jahat, untuk membezakan hidayat dari kesesatan, kebenaran dari kebatilan:

وَهَدَيْنَٰهُ ٱلنَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

"Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan."(10)

Supaya ia dapat membuat pilihan yang disukainya. Memanglah tabi'at semulajadi manusia mempunyai dua kesediaan untuk menempuh dua jalan itu. Dengan kehendak Allah, Dia telah mengurniakan kepada manusia kebolehan untuk melalui mana satu jalan yang disukainya, dan ini adalah sesuai dengan hikmat penciptaan Allah yang memberikan kepada setiap makhluk-Nya segala sesuatu yang sesuai dengan kejadiannya supaya masing-masing senang menjalankan tugasnya di alam ini.

Ayat ini mendedahkan tabi'at manusia, dan ayat ini juga merupakan asas "teori kajian psikologi Islam" di samping ayat-ayat yang lain dalam Surah asy-Syams:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّىٰهَا ﴿٧﴾

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾

وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

"Demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang membenamkannya."(10)

(Surah asy-Syams)

Kami tundakan huraiannya yang lebih terperinci di tempat yang lain dalam tafsiran Surah asy-Syams kerana ia mempunyai bidang yang lebih luas.

* * * * * *

Lidah Dan Mulut Boleh Menghumbankan Seseorang Ke Dalam Neraka

Ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan khusus kepada manusia pada struktur kejadiannya itu sepatutnya boleh membantunya untuk mencari jalan hidayat. Dua biji matanya dapat melihat bukti-bukti qudrat Allah dan bukti-bukti yang mencetuskan keimanan yang terbentang di permukaan alam dan tersebar di merata pelosok dan liku-likunya. Sekeping lidah dan dua ulas bibir merupakan alat pernyataan dan pengungkapan yang membolehkan manusia melakukan berbagai-bagai perkara. Kadang-kadang kekuatan kata-kata menyamai kekuatan pedang dan alat-alat letupan, dan kadang-kadang kata-kata indah itulah yang menghumbankan manusia ke dalam Neraka, di samping ia boleh mengangkatkan manusia ke darjat yang tinggi. Menurut sebuah hadith: Dari Mu'az ibn Jabal r.a. katanya: Suatu masa aku bersama-sama Rasulullah s.a.w. dalam satu persafiran. Pada suatu hari, aku berada dekat dengannya semasa kami sedang berjalan, lalu aku berkata: 'Ya Rasulullah! Ceritakan kepadaku, apakah amalan yang boleh memasukkanku ke dalam Syurga dan menjauhkanku dari Neraka?" Jawab Rasulullah s.a.w.:

سألت عن عظيم وإنه ليسير على من يسره الله عليه : تعبد الله ولا تشرك به شيئاً ، وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت . ثم قال : ألا أدلك على أبواب الخير؟ قلت : بلى يا رسول الله . قال : الصوم جنة ، والصدقة تطفئ الخطيئة كما يطفئ الماء النار ، وصلاة الرجل في جوف الليل شعار الصالحين ،

"Engkau bertanya perkara yang amat besar, tetapi perkara ini adalah mudah kepada orang yang ditaufikkan Allah, iaitu hendaklah engkau menyembah Allah dan jangan sekutui-Nya dengan suatu apa pun, hendaklah engkau tekun mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa bulan Ramadhan dan menunaikan Haji ke Baitullah. Kemudian beliau bersabda lagi: "Tidakkah engkau suka aku tunjukkan kepadamu segala pintu kebaikan?" Lalu aku menjawab: "Suka, ya Rasulullah!" Beliau pun bersabda: "Puasa itu perisai, sedekah itu memadamkan dosa sebagaimana air memadamkan api, solat di tengah malam adalah syi'ar para Salihin".

Lalu beliau membaca ayat:

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

"Lambung-lambung mereka jauh dari tempat-tempat tidur (mereka tidak tidur kerana mendirikan solat), mereka berdo'a kepada Tuhan mereka dengan penuh ketakutan dan harapan (mendapatkan rahmat-Nya) dan mereka mengorbankan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka ke jalan Allah"

(Surah as-Sajadah: 16)

kemudian beliau bersabda lagi:

ألا أخبرك برأس الأمر وعموده وذروة سنامه ؟ قلت : بلى يا رسول الله . قال : رأس الأمر الإسلام وعموده الصلاة وذروة سنامه الجهاد .

"Sukakah engkau, aku ceritakan kepadamu perkara yang menjadi pokok pangkal, tiang seri dan kemuncak segala sesuatu?" Jawabku: "Benar, ya Rasulullah." Lalu beliau bersabda: "Yang menjadi pokok pangkal segala sesuatu ialah Islam, dan yang menjadi tiang serinya ialah solat, dan yang menjadi kemuncaknya ialah jihad."

Kemudian beliau bersabda lagi:

ألا أخبرك بملاك ذلك كله ؟ قلت : بلى يا رسول الله. قال: كف عليك هذا ، وأشار إلى لسانه . قلت : يا نبي الله وإنا لمؤا خذون بما نتكلم به ؟ قال : ثكلتك أمك ! وهل يكب الناس في النار على وجوههم – أو قال : على مناخرهم – إلا حصائد ألسنتهم ؟ –

(رواه أحمد والترمذي والنسائي وابن ماجه)

"Sukakah engkau aku ceritakan kepadamu perkara yang menjadi teraju kepada segala-galanya itu?" Jawabku: "Benar, ya Rasulullah," Lalu beliau bersabda: "Jaga ini!" Seraya beliau menunjukkan kepada lidahnya. Aku terus bertanya: "Wahai Nabi Allah! Adakah kita diambil salah dengan apa yang kita kata?" Jawab beliau: ثكلتك *(ibumu telah kehilanganmu).[1] Bukankah orang-orang yang disembamkan di atas muka atau di atas hidung mereka di dalam Neraka itu merupakan mangsa tutur kata lidah mereka?."*

(Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad, at-Tirmizi, an-Nasa'i dan Ibn Majah).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 18)

Syurga Dicapai Dengan Kesanggupan Menempuh Tembok Halangan

Allah juga memberi ni'mat hidayat kepada manusia supaya mereka dapat mengenalpastikan kebaikan dan kejahatan, jalan ke Syurga dan jalan ke Neraka, dan dengan hidayat ini, ia membantu mereka ke arah kebaikan. Tetapi semua ni'mat itu tidak dapat mendorong manusia menempuhi jalan sukar yang menjadi penghalang yang menyekat mereka ke Syurga yang diterangkan dalam ayat-ayat berikut:

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ ﴿١١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُّ رَقَبَةٍ ﴿١٣﴾

---

[1] *Kata-kata tempelak dalam masyarakat Arab apabila mengecam sesuatu perbuatan yang buruk atau sesuatu kefahaman yang dangkal. Secara kasarnya dapatlah disamakan dengan tempelak kita: "Kalau macam ini lebih baik engkau mati sahaja. "Ini bukan do'a tetapi hanya tempelak sahaja. Lihat "* لسان العرب *" (jilid 13 m.s. 93 - 94). Penterjemah.*

أَوۡ إِطۡعَٰمٞ فِي يَوۡمٖ ذِي مَسۡغَبَةٖ ﴿١٤﴾

"Oleh itu, mengapakah dia tidak tempuhkan jalan yang sukar?(11). Tahukah engkau apakah jalan yang sukar itu?(12). Iaitu membebaskan hamba(13). Atau memberi makanan pada hari berlaku kebuluran."(14)

يَتِيمٗا ذَا مَقۡرَبَةٍ ﴿١٥﴾ أَوۡ مِسۡكِينٗا ذَا مَتۡرَبَةٖ ﴿١٦﴾

ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡمَرۡحَمَةِ ﴿١٧﴾

أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ ﴿١٨﴾

"Kepada anak yatim yang mempunyai hubungan keluarga(15). Atau kepada orang miskin yang berselekeh dengan tanah(16). Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan(17). Merekalah golongan kanan."(18)

Inilah yang sukar dan tidak dapat ditempuhi melainkan dengan pertolongan keimanan. Inilah halangan yang menyekat manusia ke Syurga, dan andainya ia berjaya menempuhinya nescaya ia akan sampai ke Syurga. Halangan atau jalan yang sukar yang digambarkan sedemikian rupa mencetuskan satu dorongan yang kuat, memberangsang dan menggerakkan hati manusia supaya menempuhi jalan yang sukar itu, satu jalan yang secara jelas merupakan penghalang yang menyekatkan mereka dari mendapat balasan yang besar itu:

فَلَا ٱقۡتَحَمَ ٱلۡعَقَبَةَ ﴿١١﴾

"Oleh itu, mengapakah dia tidak tempuhkan jalan yang sukar?"(11)

Ayat ini mengandungi pemberangsangan, dorongan dan galakan.

Kemudian diiringi pertanyaan untuk memuliakan persoalan ini:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡعَقَبَةُ ﴿١٢﴾

"Tahukah engkau, apakah jalan yang sukar itu?"(12)

Tujuan ayat ini bukannya untuk membesar-besarkan halangan atau jalan yang sukar itu, malah untuk mengagung-agungkan darjatnya di sisi Allah supaya manusia gemar dan penuh bersemangat menempuhinya walaupun sebesar mana ia memerlukan perjuangan dan menghadapi kesulitan, kerana kesulitan-kesulitan itu tetap wujud dan berlaku, tetapi apabila ia berkorban untuk menempuh jalan yang sukar itu, ia akan mencapai hasilnya dan akan mendapat gantinya, kerana setiap pengorbanannya tidak akan hilang percuma.

Perjuangan Membebaskan Abdi Dan Membantu Golongan Yang Lemah

Kemudian Allah mula menerangkan hakikat jalan yang sukar atau halangan itu dengan menyebut persoalan yang amat diperlukan masyarakat Makkah khususnya yang dihadapi oleh da'wah Islam, iaitu persoalan membebaskan hamba abdi dan memberi makanan yang amat diperlukan oleh golongan yang lemah yang ditindas oleh masyarakat yang kufur dan tamak haloba itu. Dan pada akhirnya ia menyebut persoalan umum yang tidak bergantung dengan sesuatu masyarakat yang tertentu dan dengan sesuatu zaman yang tertentu, iaitu persoalan yang dihadapi oleh seluruh manusia ketika mereka berjuang menempuh halangan atau jalan yang sukar itu. Dan:

ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡمَرۡحَمَةِ ﴿١٧﴾

"Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan."(17)

Menurut riwayat, yang dimaksudkan dengan istilah فك رقبة (pembebasan hamba abdi) itu ialah bekerjasama dalam usaha melaksana pembebasan itu dan yang dimaksudkan dengan العتق (pemerdekaan hamba) ialah melakukan pembebasan itu secara persendirian. Namun apa sahaja maksud, maka hasilnya adalah sama.

Sayyidina Abu Bakr Pelopor Gerakan Pembebasan Abdi

Ayat-ayat ini diturun semasa da'wah Islam terkepung di negeri Makkah, di mana Islam tidak mempunyai satu kerajaan pun yang ditegakkan di atas syari'atnya, dan adat memperhambakan manusia terdapat di mana-mana di Semenanjung Tanah Arab dan di negeri-negeri sekitarnya. Kaum hamba abdi pada umumnya diberi layanan yang kejam. Apabila segolongan dari mereka memeluk agama Islam seperti Ammar bin Yasir dan keluarganya, Bilal ibn Rabah, Suhayb dan lain-lainnya r.'anhum, mereka semakin teruk menerima penindasan, mereka telah diseksakan dengan ganas oleh tuanmas mereka. Mereka diazab di luar kemampuan mereka. Nyatalah di waktu itu, tiada jalan untuk menyelamatkan mereka melainkan dengan perjuangan membebaskan mereka dari perhambaan melalui usaha membeli mereka dari tuanmas-tuanmas mereka yang kejam. Sayyidina Abu Bakr telah mempelopori perjuangan ini, dan memang begitulah kebiasaannya, beliau selama-lamanya menjadi orang yang mula-mula menyahut seruan Allah dengan penuh keyakinan, ketenangan dan kejujuran.

Ujar Ibn Ishaq: Bilal hamba yang dimerdekakan oleh Abu Bakr itu, pada mulanya seorang hamba yang dimiliki oleh setengah keluarga dari suku Bani Jumah. Ia dilahirkan dalam kumpulan hamba abdi mereka. Ia

seorang yang kuat imannya dan berhati jujur. Setiap waktu Zuhur yang panas terik, ia dikeluarkan oleh tuanmasnya Umayyah ibn Khalaf ibn Wahb ibn Huzafah ibn Jumah, lalu ditelentangkan di tanah lapang Makkah kemudian Umayyah menyuruh orang meletakkan seketul batu yang besar di atas dada Bilal kemudian berkata kepadanya: "Awak akan dibiarkan begini sehingga awak mati atau menolak agama Muhammad dan kembali menyembah al-Laata dan al-'Uzza." Tetapi dalam keseksaan itu, Bilal sentiasa menyebut: "Allah Yang Maha Esa, Allah Yang Maha Esa."

Hingga pada suatu hari, Abu Bakr as-Siddiq r.a. lalu di tempat itu dan melihat bagaimana mereka menyeksakan Bilal, kebetulan rumah Abu Bakr terletak di perkampungan Bani Jumah, lalu ia pun berkata kepada Umayyah ibn Khalaf. "Tidakkah engkau takut kepada Allah kerana menyeksakan si miskin ini? Sampai bila engkau akan terus menyeksa-kannya?" Jawab Umayyah: "Engkaulah yang telah merosak-kannya. Oleh itu, selamatkan dia dengan apa cara yang engkau fikirkan baik". Abu Bakr membalas: "Baik, aku ada satu cadangan, aku ada seorang hamba hitam yang lebih kuat dari Bilal dan seagama dengan engkau, aku hendak berikannya kepada engkau sebagai tukaran dengan Bilal. Apa kata engkau?" Jawab Umayyah: "Aku terima." Disambut Abu Bakr, "Baik, ia sekarang kepunyaanmu". Lalu Abu Bakr as-Siddiq r.a. memberikan hambanya kepada Umayyah dan mengambil Bilal lalu membebaskannya dari perhambaan.

Turut sama dibebaskan di dalam Islam sebelum beliau berhijrah ke Madinah ialah enam hamba yang lain. Bilal merupakan orang yang ketujuh. Mereka ialah 'Amir ibn Fuhayrah yang turut dalam pertempuran Badr dan gugur syahid dalam Peperangan Bi'r Ma'unah, Ummu 'Ubais dan Zinnirah yang telah buta matanya ketika dibebaskan oleh Abu Bakr. Lalu orang-orang Quraisy mengejek: "Ia telah dibutakan matanya oleh al-Laata dan al-'Uzza." Lalu dijawab oleh Zinnirah: "Mereka dusta, demi Baitullah, al-Laata dan al-'Uzza tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat dan tidak pula memberi apa guna pun." Lalu Allah mengembali-kan penglihatannya. Beliau juga telah membebaskan an-Nahdiyah dan anak gadisnya. Kedua-duanya berasal dari hamba kepunyaan seorang perempuan dari suku Bani 'Abdud-Dar. Abu Bakr terserempak dengan keduanya sewaktu mereka dihantar oleh tuanmasnya membawa gandumnya, dan tuanmasnya ini pernah berkata kepada mereka: "Demi Allah aku tidak akan bebaskan engkau berdua buat selama-lamanya." Lalu Abu Bakr menemui perempuan ini dan berkata kepadanya: "Batalkan sumpahmu itu, wahai Ummu si anu!" jawab perempuan itu: "Baiklah, aku batalkannya, engkaulah yang telah merosakkannya, kerana itu engkau patut membebaskannya." Kata Abu Bakr: "Berapa engkau mahu?" Jawab perempuan itu: "Sekian, sekian banyak." Kata Abu Bakr: "Aku ambil kedua orang ini dan kedua-duanya aku bebaskan. Hai kamu berdua, pulangkan balik gandum ini kepada perempuan itu." Lalu kedua-dua si ibu dan anak gadisnya itu berkata: "Bolehkah tidak wahai Abu Bakr, kami selesaikan dahulu urusan gandum ini, kemudian barulah kami pulangkan kepadanya?" Jawab Abu Bakr: "Boleh, jika kamu berdua suka."

Pada suatu masa, Abu Bakr terserempak dengan seorang hamba perempuan yang dimiliki suku Bani Mu'mil, dan hamba ini adalah dari suku Bani 'Adi. Dia seorang hamba yang beragama Islam, ketika itu dia sedang diseksa dan dipukul oleh 'Umar ibn al-Mattab yang masih lagi beragama syirik pada masa itu, hingga apabila ia, merasa jemu memukulnya ia pun berkata mengejek: "Aku minta maaf kepadamu, aku terpaksa berhenti memukulmu kerana jemu." Lalu dijawab oleh perempuan itu: "Itulah kehendak Allah yang dilakukan terhadap engkau." Lalu Abu Bakr membelinya dan membebaskannya.

Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abdullah ibn Abu 'Atiq dari 'Amir ibn Abdullah ibn az-Zubayr dari beberapa keluarganya katanya: Abu Quhafah bapa Abu Bakr pada suatu masa telah berkata kepada Abu Bakr: "Wahai anakku! Aku tengok engkau hanya membebaskan hamba-hamba yang lemah, jika engkau membebaskan hamba-hamba yang kuat tentulah mereka dapat mempertahan dan membela engkau." Jawab Abu Bakr r.a.: "Wahai ayahku! Tujuan anakanda berbuat begitu adalah semata-mata kerana Allah."

Kewajipan Memberi Makanan Kepada Orang-orang Yang Miskin Ketika Dilanda Kebuluran

Sesungguhnya Abu Bakr r.a. telah menempuh jalan yang sukar dengan membebaskan hamba-hamba yang menderita kerana Allah semata-mata. Keadaan-keadaan yang wujud di Makkah pada masa itu telah menjadikan amalan membebaskan hamba abdi itu merupakan langkah pertama untuk menempuh halangan di jalan Allah.

"Atau memberi makanan pada hari berlaku kebuluran(14). Kepada anak yatim yang mempunyai hubungan keluarga(15). Atau kepada orang miskin yang berselekeh dengan tanah."(16)

Hari kelaparan yang sukar didapati makanan merupakan batu uji kepada keimanan yang sebenar. Anak-anak yatim dalam masyarakat jahiliyah yang kafir dan tamak itu mengalami berbagai-bagai penindasan dan penganiayaan walaupun mereka mempunyai hubungan kerabat. Di dalam Al-Qur'an penuh dengan anjuran-anjuran supaya melindungi anak-anak yatim. Ini menunjukkan betapa kejamnya sikap masyarakat itu terhadap anak-anak yatim. Dan anjuran-anjuran itu terus disampaikan hingga di dalam surah-surah yang diturunkan di Madinah yang ada kaitan dengan undang-undang pusaka, wasiat

dan perkahwinan. Sebahagian besar dari persoalan-persoalan itu telah dihuraikan di dalam Surah an-Nisa' khususnya Surah al-Baqarah dan lain-lain.

Begitu juga perkhidmatan memberi makanan kepada orang-orang miskin yang terlantar di tengah jalan, yang berselekeh dengan tanah kerana terlalu susah dan menderita pada hari berlakunya kelaparan, telah disebut dalam surah ini sebagai satu langkah untuk menempuh jalan yang sukar. Amalan ini merupakan batu uji perasaan-perasaan imaniyah iaitu perasaan kasihan belas, bertimbang rasa, bantu membantu dan mementingkan kebaikkan orang lain dan bermuraqabah dengan Allah untuk membantu hamba-Nya yang menderita pada masa kesusahan dan kelaparan. Kedua-dua langkah tersebut, iaitu langkah membebaskan hamba abdi dan memberi makanan, merupakan langkah-langkah yang disarankan oleh keadaan masyarakat yang mendesak di masa itu walaupun kedua-duanya bersifat umum. Oleh kerana itu kedua-dua langkah itu didahulukan sebutan di dalam ayat, kemudian barulah diiringi dengan lompatan agung yang menyeluruh:

ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلْمَرْحَمَةِ ﴿١٧﴾

"Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman dan saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan."(17)

Lompatan Yang Paling Besar Melangkah Tembok Halangan Ialah Kesanggupan Menyertai Barisan Mu'minin

Kata-kata ثم (kemudian) di sini bukan dimaksudkan dengan pengertian penundaan dari segi masa, tetapi dimaksudkan dengan pengertian penundaan dari segi makna, iaitu langkah menyertai orang-orang yang beriman itu merupakan langkah yang lebih syumul, lebih luas dan lebih tinggi, kerana tidak ada gunanya perjuangan membebas abdi dan memberi makanan kepada orang yang susah tanpa beriman. Kerana itu keimanan harus wujud sebelum perjuangan membebas abdi dan memberi makanan kepada orang yang susah. Keimanan itulah yang memberi nilai kepada amalan-amalan yang baik dalam pertimbangan neraca Allah, kerana iman itulah yang menghubungkan amalan yang baik dengan cara hidup agama Allah yang tetap teguh supaya amalan yang baik itu tidak merupakan sesuatu amalan yang mendadak untuk memuaskan keinginan yang berubah-ubah atau untuk mencari kepujian dari masyarakat atau untuk sesuatu muslihat. Seolah-olah Allah berfirman: Bebaskan hamba atau berikan makanan pada hari kelaparan kepada anak yatim atau kepada orang-orang miskin yang berselekeh dengan tanah, kemudian langkah yang lebih tinggi dari itu ialah menyertai orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersifat belas kasihan. Kata-kata ثم (kemudian) di sini dikehendaki dengan erti lebih utama dan lebih tinggi.

Menaruh Kesabaran Dan Belas Kasihan Secara Kolektif Untuk Kesinambungan Da'wah

Kesabaran pada umumnya merupakan unsur asasi bagi keimanan, dan khususnya merupakan unsur asasi bagi perjuangan menempuh jalan yang sukar. Sikap saling berpesan supaya bersabar merupakan satu darjat yang tinggi di belakang kesabaran itu sendiri iaitu darjat perpaduan masyarakat Islam yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling membantu untuk melaksanakan tugas-tugas keimanan. Kerana itu mereka merupakan anggota-anggota masyarakat yang mempunyai perasaan yang padu dan sama dalam menghadapi kesulitan perjuangan untuk merealisasikan keimanan di bumi dan untuk memikul tugas-tugasnya. Kerana itu mereka menganjurkan satu sama lain supaya bersabar dalam perjuangan memikul beban kewajipan bersama. Mereka saling menyokong dan menguatkan satu sama lain supaya tidak mudah lemah dan kalah. Kesabaran secara berkelompok ini berlainan dari kesabaran secara individu walaupun ia ditegakkan di atas kesabaran individu. Kesabaran secara berkelompok mengingatkan setiap Mu'min kepada kewajipannya dalam masyarakat yang beriman, iaitu setiap Mu'min jangan jadi unsur pelemah perjuangan bahkan hendaklah jadi unsur pengukuh dan penguat, jangan jadi penyeru kepada kekalahan bahkan hendaklah jadi penyeru ke arah merempuh dan menyerang, jangan jadi pencetus ketakutan dan kebimbangan bahkan hendaklah jadi pencetus ketenangan dan ketenteraman.

Demikian juga anjuran saling berpesan supaya bersikap belas kasihan atau penyayang merupakan satu perjuangan tambahan kepada sikap belas kasihan itu sendiri. Ia bertujuan menyebarkan kewajipan saling bersikap penyayang di dalam barisan masyarakat Mu'min melalui pesan memesan dan anjur menganjur satu sama lain, dan sekaligus menjadikan-nya sebagai satu kewajipan berkelompok dan sebagai satu kewajipan individu yang diberi perhatian dan diperjuangkan bersama oleh semua orang.

Kehidupan Berjama'ah

Konsep hidup berkelompok tetap wujud dalam arahan-arahan Ilahi tersebut, dan tujuan inilah yang ditonjol-tonjolkan oleh Al-Qur'an dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w., kerana konsep hidup berkelompok itu penting untuk merealisasikan hakikat Islam sebagai agama kelompok dan sebagai sistem hidup umat dengan dasar tanggungjawab individu dan hisab individu yang cukup jelas.

Orang-orang yang sanggup menempuh jalan yang sukar ialah:

"Merekalah golongan kanan (penghuni Syurga)."(18)

Konsep Golongan Kanan Dan Kiri Dalam Islam

Itulah "golongan kanan" seperti yang disifatkan oleh Al-Qur'an, iaitu golongan manusia yang berbahagia dan bernasib baik. Kedua-dua erti itu berhubung rapat dalam pengertian keimanan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 20)

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا هُمْ أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ ﴿١٩﴾

عَلَيْهِمْ نَارٌ مُؤْصَدَةٌ ﴿٢٠﴾

"Dan orang-orang yang mengkufuri ayat-ayat Kami merekalah golongan kiri(19). Pintu Neraka itu ditutupkan ke atas mereka."(20)

Di sini tidak perlu disebut sifat-sifat golongan kiri selain dari sifat:

"Dan orang-orang yang mengkufuri ayat-ayat Kami."(19)

Sifat kekufuran itu menamatkan kedudukan, kerana tiada kebajikan bersama kekufuran dan, tiada kejahatan melainkan diselubungi kekufuran. Tidak perlu dikatakan bahawa golongan kiri ialah golongan yang tidak berjuang membebaskan hamba abdi dan tidak memberi bantuan makanan, kemudian mereka mengingkarkan ayat-ayat Kami, kerana jika mereka sudah kufur, maka tidak berguna lagi segala amalan yang baik itu walaupun telah dilakukan mereka.

Mereka adalah golongan kiri atau merekalah golongan yang malang dan celaka dan kedua-duanya mempunyai makna yang dekat dalam pengertian keimanan dan merekalah orang-orang yang tinggal di belakang jalan yang sukar yang tidak sanggup ditempuhinya.

"Pintu Neraka itu ditutupkan ke atas mereka."(20)

Sama ada dengan pengertian yang dekat, iaitu semua pintu Neraka tertutup kepada mereka dan mereka terpenjara di dalam keseksaan Neraka atau dengan pengertian bahawa mereka tidak akan dapat keluar darinya kerana pintu-pintunya telah ditutup dan tidak dapat dibuka oleh mereka. Kedua-dua pengertian ini mempunyai hubungan yang saling berkaitan.

* * * * * *

Itulah hakikat asasi dalam kehidupan manusia dan dalam kefahaman keimanan. Semuanya dibentangkan dalam ruang surah yang pendek ini dengan pernyataan-pernyataan yang kuat dan jelas. Inilah ciri istimewa pengungkapan Al-Qur'an yang unik.

* * * * * *